



## Pendidikan Akhlak Kepada Manusia Berdasarkan Kitab Hadis 40: Satu Kajian Analisis

NAZIRAH BINTI HAMDAN

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Malaysia*

Email: [nazirahhamdan@uitm.edu.my](mailto:nazirahhamdan@uitm.edu.my) | Tel: +60107607409 |

NOOR AIN BINTI MOHD NOOR

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Malaysia*

Email: [noorain89@uitm.edu.my](mailto:noorain89@uitm.edu.my) | Tel: +60173769765 |

### Abstrak

Pendidikan Islam khususnya dalam hal yang berkaitan akhlak adalah penting untuk difahami dengan sebaiknya bagi setiap muslim. Sumber rujukan utama umat Islam mengenai akhlak iaitu al-Quran dan al-Hadis. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji apakah aspek akhlak kepada manusia yang terkandung dalam Kitab Hadis Empat Puluh (KHEP) karangan Imam al-Nawawi. Bentuk metodologi yang digunakan ialah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks hadis. Pengkaji menggunakan perisian N'vivo 7.0 untuk menganalisis kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat sebelas ciri akhlak yang diajarkan oleh baginda Nabi S.A.W kepada manusia iaitu adil, berakhlek baik, tidak menyakiti orang lain, memberi nasihat, membuang rintangan di jalan, memuliakan orang lain, mengasihi seislam, tolong-menolong, tidak memusuhi wali Allah, taat pada pemimpin dan zuhud.

**Kata Kunci:** pendidikan, akhlak, hadis empat puluh

### 1. Pengenalan

Pendidikan merupakan satu penanda aras yang penting dalam kehidupan manusia. Ia mampu mengorak langkah terhadap pencapaian seseorang dan pencapaian dalam pendidikan yang diperoleh menggambarkan tingginya pengetahuan seseorang dalam bidang yang diceburi (Samruhaizat Samian, 2017). Pendidikan bermaksud mengajar, mengasuh atau satu proses meningkatkan peranan fizikal, mental dan akhlak kearah kesempurnaan. Dalam Islam, definisi Pendidikan sangat luas dimana ia merangkumi seluruh cara hidup manusia. Kurikulumnya datang daripada Allah meliputi semua bidang seperti akidah, syariah, akhlak, sains dan teknologi, politik dan sebagainya. Ia juga merangkumi keseluruhan kehidupan dunia dan akhirt dalam satu disiplin yang lengkap (Ahmad Munawwar Ismail et al, 2012). Sehubungan itu, subjek Pendidikan Islam adalah begitu sinonim dengan umat Islam di Malaysia kerana ia menjadi salah satu daripada subjek teras yang diajar kepada para pelajar muslim sejak sedari sekolah rendah, menengah sehingga di peringkat pengajian tinggi.

Para ulama dan cendekiawan Islam banyak memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu Islam. Salah seorang daripadanya iaitu Imam al-Nawawi telah menulis banyak kitab muktabar yang menjadi panduan bagi umat Islam hingga hari ini. KHEP adalah himpunan 40 hadis Nabi S.A.W berdasarkan bab-bab yang tertentu. Ia merupakan himpunan hadis terpilih yang disusun oleh Imam al- Nawawi dalam kitabnya *Matan al-Arba'in al-Nawawiyah*. Kitab ini mengandungi 42 hadis saih Rasulullah S.A.W dan membincangkan perkara berkaitan akidah, tauhid dan akhlak dalam Islam. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk melihat elemen akhlak yang dibincangkan dalam kitab Hadith 40. Ramai dalam kalangan ulama yang terlibat dalam menulis dan membukukan hadis 40 ini adalah berdasarkan daripada maksud hadis berikut:

Ali ibn Abi Talib, Abdullah ibn Mas‘udd, Mu‘az ibn Jabal, Abu al-Darda’, Ibnu ‘Umar, Ibnu ‘Abbas, Anas ibn Malik, Abu Hurairah dan Abu Sa’id al-Khudrie r.a. telah meriwayatkan hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud: “Barangsiapa yang menghafal atas umatku empat puluh hadis daripada (hadis yang) berkenaan dengan agama mereka, nescaya Allah akan membangkitkannya pada hari kiamat dalam golongan para fuqaha’ dan ulama”.



(Mustafa al-Bugha dan Muhyiddin Misto, 2004)

Dalam suatu riwayat lain menyatakan:

*“Nescaya Allah akan membangkitkannya sebagai seorang faqih dan alim”.* Abu Darda’ pula meriwayatkan hadis yang bermaksud: *“dan telah adalah aku (Rasulullah) pada hari kiamat menjadi orang yang memberikan syafaat dan saksi kepadanya”.*

(Mustafa al-Bugha dan Muhyiddin Misto, 2004)

Dalam kitab al-Quran, terdapat banyak ayat yang berkaitan pendidikan akhlak. Bahkan penurunan al-quran itu sendiri bertujuan untuk mendidik manusia. Begitu juga dengan hadis-hadis Rasulullah S.A.W di mana banyak riwayat-riwayat baginda menjurus kepada kepentingan pendidikan dan diperkuatkan lagi dengan tindakan baginda Rasulullah S.A.W yang menggalakkan umat Islam mencintai ilmu pengetahuan. (Zakaria Stapa et al, 2012). Begitu juga dengan hadis-hadis daripada Rasulullah S.A.W, banyak menyentuh perkara berkaitan dengan akhlak sebagai contoh hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari yang menjelaskan sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia berkata tentang kebaikan. Bahkan baginda Rasulullah S.A.W sendiri diutuskan oleh Allah untuk menyempurnakan akhlak. (Asming Yalawae, 2007).

Akhhlak dari segi bahasa berasal daripada bahasa Arab “*akhlaq*” iaitu jamak dari perkataan “*khuluq*” yang membawa maksud budi pekerti, perangai, tingkah laku dan tabiat. Menurut tokoh pemikir Islam seperti Ibnu miskawih, akhlak adalah adalah sesuatu keadaan jiwa dimana ia bertindak tanpa perlu berfikir atau dipertimbangkan secara mendalam. Menurut Al-Ghazali pula, akhlak adalah satu sikap yang tertanam dalam jiwa yang daripadanya terlahirlah perbuatan samada baik atau buruk. (Shaik Abdullah Hassan Mydin et al, 2020). Oleh itu, peranan akhlak sangat penting dalam ketamadunan sesebuah bangsa kerana ia sebagai kayu ukur yang akan menentukan bagaimana corak kehidupan bangsa tersebut. Justeru, pengajaran dan ilmu yang berkaitan akhlak sangat di utamakan dalam Pendidikan Islam sejak dahulu lagi. Ia berikutan kerana, akhlak merupakan salah satu asas dalam ajaran Islam. Rasulullah S.A.W amat menekankan aspek pendidikan akhlak kepada para sahabatnya semasa menyampaikan ajaran Islam. Kemuliaan akhlak baginda yang diberikan gelaran “*al-amin*” bukan hanya disenangi oleh para sahabat tetapi juga turut diiktiraf oleh masyarakat arab jahiliah sekalipun mereka tidak beriman dengan ajaran Islam.

## 2. Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti aspek akhlak yang terkandung dalam kitab hadis 40 karangan Imam Nawawi. Justeru, persoalan kajian ialah “apakah aspek akhlak yang terkandung dalam kitab Hadis Empat Puluh karangan Imam al-Nawawi? ”.

## 3. Metodologi

Menurut Long (2009) bidang kajian dokumentasi ke atas al-Quran, hadis, kitab-kitab agama boleh dilakukan sama ada dengan menggunakan metode analisis kandungan, perbandingan, kajian persejarahan terhadap isi dan tafsiran al-Quran dan pelbagai kitab tafsir termasuk penulisnya. Oleh itu, pengkaji menggunakan metodologi kualitatif melalui kaedah analisis teks hadis berdasarkan KHEP terjemahan Mustafa Abdul Rahman (2000) sebagai teks kajian. Himpunan hadis dalam KHEP ini dijadikan sebagai data vabatim untuk diproses dan dianalisis menggunakan program N’Vivo 7.0 bagi menghasilkan tema, sub-tema, dan sub-sub tema yang akan memfokuskan aspek akhlak dengan manusia. Oleh itu sebagai pengukuhan kajian kepustakaan dan triangulasi data turut digunakan dalam kajian ini.

## 4. Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat sebelas ciri akhlak yang disebutkan oleh baginda Rasulullah berkaitan akhlak kepada manusia. Jelas di sini bahawa Rasulullah S.A.W telah mengajar dan mengingatkan umatnya agar berakhhlak dengan akhlak yang baik. Antaranya seperti berlaku adil (H26), berakhhlak baik (H18), jangan menyakiti orang lain (H32 dan H35), member nasihat yang baik (H26 dan H34), memuliakan orang lain (H25), mengasih seislam (H13 dan H35), tolong-menolong (H26 dan H36), tidak memusuhi wali Allah (H38), taat pada pemimpin yang adil (H28), dan zuhud (H26 dan H31) sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual 4.

**Jadual 4: Akhlak kepada Manusia**

<b>Hadis</b>	<b>13</b>	<b>15</b>	<b>18</b>	<b>26</b>	<b>28</b>	<b>31</b>	<b>32</b>	<b>34</b>	<b>35</b>	<b>36</b>	<b>38</b>
Adil	-	-	-	X	-	-	-	-	-	-	-
Berakhlek baik	-	-	X	-	-	-	-	-	-	-	-
Tidak menyakiti orang lain	-	-	-	-	-	-	X	-	X	-	-
Memberi nasihat	-	-	-	X	-	-	-	X	X	-	-
Membuang rintangan di jalan	-	-	-	X	-	-	-	-	-	-	-
Memuliakan orang lain	-	X	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Mengasihi seislam	X	-	-	-	-	-	-	-	X	-	-
Tolong-menolong	-	-	-	X	-	-	-	-	-	X	-
Tidak memusuhi wali Allah	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	X
Taat pada pemimpin	-	-	-	-	X	-	-	-	-	-	-
Zuhud	-	-	-	-	X	X	-	-	-	-	-

Berdasarkan analisis kajian pengkaji telah mengenalpasti bahawa sifat tidak menyati orang lain terdiri daripada lima cabang iaitu sifat benci-membenci, dengki, dhiror (menyakiti orang yang pernah menyakitinya dengan cara yang tidak sebenar), dhoror (menyakiti orang yang tidak pernah menyakitinya) dan menipu. Contohnya, hadis Rasulullah S.A.W. iaitu,

لَا تَحَسِّدُوا وَلَا تَنَاجِحُوا وَلَا تَبَاغِضُوا، وَلَا تَدَابِرُوا وَلَا يَعِظُّ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا

Terjemahan: "Janganlah kamu dengki mendengki, jangan kamu meminta membeli dengan harga yang tinggi bukan dengan tujuan membelinya tetapi untuk menipu orang lain dan memudaratkan mereka, jangan kamu benci membenci, jangan kamu belakang membelakangi, janganlah sebahagian kamu menjual di atas jualan orang lain, dan jadilah kamu semua hamba-hamba Allah yang bersaudara.

(Imam al-Nawawi: H35)

Umat Islam juga dituntut untuk bersifat zuhud sebagaimana yang dinyatakan oleh baginda Nabi S.A.W sebagaimana yang dinukilkikan oleh Imam al-Nawawi:

إِذْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبُّكَ اللَّهُ

Terjemahan: "Zuhudlah terhadap dunia nescaya kamu akan dicintai oleh Allah SWT"

(Imam al-Nawawi: H31)

Hadis di atas menjelaskan bahawa umat Islam tidak seharusnya terlalu mengamalkan corak kehidupan yang mewah kerana hal itu kebiasaannya akan menjadikan mereka bersifat dengan salah satu sifat mazmumah iaitu sombang dan riyak. Justeru itu, Islam menyarankan penganutnya agar hidup dalam kesederhanaan.

Dapatkan kajian yang diperolehi ini jelas menunjukkan tidak ada sebarang percanggahan antara al-Quran dan al-Hadis. Hal yang berhubungan akhlak sesama manusia ini banyak terdapat dalam al-Quran sebagai panduan kepada umat Islam. Contohnya seperti sifat adil (surah al-Maidah:8; surah al-Ahzab:5; surah al-Mumtahanah:8; surah al-Hujurat:9), berakhlek baik (surah Ali Imran:134; surah As-Syuraa: 37), tidak menyakiti orang lain (surah al-Baqarah:263), memberi nasihat (surah Taha:44; surah al-'Ashr:1-3), tolong-menolong (surah al-Maidah:2; surah al-Kahfi:95), dan taat kepada kepimpinan (surah an-nisa, 4: 59). Contohnya sebagaimana firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِي الْأَمْرِ مَنْ كُمْ فَإِن تَنَزَّ خَتْمٌ فِي شَيْءٍ فَرُدُّهُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَى الرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ ثُوْمُنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمَ أَلْأَخْرَ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ ثَوْبًا لَا

Terjemahan:.. Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka



kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

(Surah An-Nisa, 4: 59)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوئُنَا قَوْمٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا يَجِدُونَكُمْ شَنِّانٍ إِنَّ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَا  
تَعْدِلُوا أَعْدَلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَأَنْفَوْا إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Terjemahan: “Hai orang-orang yang beriman hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”

(Surah al-Maidah, 5:8)

Menurut (Mokhtar, Mohd Jailani, Tamuri, & Abdul Ghani, 2011) proses pendidikan dalam Islam hakikatnya menekankan konsep “ta’dib”(pembentukan peribadi, sikap dan sahsiah). Maka wajarlah bagi para guru untuk memberi dan menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada para pelajar. Hal ini kerana, segala tindak tanduk guru akan diperhatikan dan ditiru oleh pelajar mereka. Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian yang dibuat oleh Hamdan dan Jasmi (2016) menunjukkan bahawa seorang pendidik itu perlu perlu mempunyai sifat seperti komited, bekerjasama dan membantu, bertanggungjawab, baik, menjadi tempat rujukan hal agama, mesra dan peramah, patuh, mudah didekati, unsur humor, toleransi, mengambil berat, berfikiran positif, menghormati, pendekatan secara hikmah, peka, memahami, rajin, tidak mudah menjatuhkan hukuman, dan sebagai role-model. Tanggungjawab membentuk generasi berakhhlak mulia adalah suatu amanah yang perlu dilaksanakan oleh para pendidik khususnya guru Pendidikan Islam (Zaharah Hussin, 2005).

Sehubungan dari itu wajarlah pendidikan akhlak ini menjadi keutamaan disamping pangajaran akidah kepada para pelajar sejak sedari kecil. Namun, ini bukan bermaksud tugas mendidik anak-anak ini terletak kepada para guru di sekolah tetapi ia memerlukan kerjasama yang jitu daripada pihak ibubapa. Hal ini kerana kecemerlangan melalui sahsiah pada kebiasaan datang daripada sebuah keluarga yang mengamalkan nilai keperibadian Islam (Haziq, Isnin, Hafiz, Hazizul, & Hazizan, 2020). Jika dilihat senario masyarakat moden hari ini yang kian membimbingkan, pendidikan akhlak sangat penting dipahat dalam jiwa setiap individu muslim kerana di zaman moden ini kita dihadapkan pada masalah moral dan akhlak yang cukup serius, yang kalau dibiarkan akan menghancurkan masa depan bangsa (Syaepul Manan, 2017).

## 5. Kesimpulan

Berdasarkan kajian analisis teks hadis yang telah dibuat jelas kepada kita bahawa ajaran Islam amat menitik-beratkan agar setiap penganutnya saling menjaga akhlak yang baik kerana ia sangat berkait dengan akidah dan ajaran daripada Rasulullah S.A.W. Justeru, kajian ini menghasilkan satu model pendidikan akhlak muslim kepada manusia sebagai rujukan dan panduan kepada setiap individu muslim sebagaimana yang dipaparkan dalam rajah 1.





### Rajah 1: Model Pendidikan Akhlak Muslim kepada Manusia

Dapatkan ini diperkuuhkan melalui banyak lagi hadis lain yang mengaitkan akhlak dengan akidah sebagai contoh hadis riwayat Imam Ahmad “orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya”. Berdasarkan hadis yang dinyatakan kita dapat melihat dengan jelas perkaitan di antara akhlak dan akidah. Oleh itu, peranan agama tidak boleh dipertikaikan kerana pendidikan akhlak yang berteraskan akidah akan lebih sempurna untuk melahirkan seorang individu muslim yang berkualiti. Justeru itu teras ajaran Islam adalah seiring antara akidah, ibadah dan akhlak kerana semua ini adalah intipati utama dalam Pendidikan Islam.

### Rujukan

- Abdul Muqsith et al. (2017). Masalah etika dan akhlak pelajar kemahiran kejuruteraan: Analisis keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.
- Ainon, A., & Abdullah, H. (2003). *Belajar Berfikir*. Bentong: PTS Publications &.
- Ali, J. A., & Al-Owaiyhan, A. (2008). Islamic work ethic: a critical. *Cross Cultural Management An International Journal*, 5-19.
- Azirah, S., Roshadah, A., & Anis Nadya, C. (2021). Amalan Gaya Hidup Dan Kesannya Terhadap Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. *International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference* (hlm. 236-250). Bangi, Selangor: Kolej Universiti Islam ANtarabangsan Selangor.
- Chang, & Christina , L.-h. (2011). The effect of an information ethics course on the information ethics values of students—A Chinese guanxi culture perspective. *Computers in Human Behavior*, 2028-2038.
- Dewi, J. (2020). Pengaruh Etika Islam Terhadap Pergaulan Lawan Jenis Pada Mahasiswa Fakultas Agama Islam Angkatan 2015 Universitas Muhammadiyah Yogyakarta. *Jurnal Bimbingan dan Konseling*, 261-269.
- Jamilah, A., & Nur Nasliza Arina, M. (2018). Penerapan dan Pemerksaan Nilai Murni Dalam Kalangan Belia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 168-199.
- Kamaruddin, I. (2010). *Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru kimia terhadap kaedah pembelajaran koperatif*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Khairul Hamimah, M. (2006). Masalah Akhlak Di Kalangan Pelajar Ipts: Satu Cabaran. *Seminar Pengajian Umum* (hlm. 1-15). Universiti Teknologi.
- Liebowitz,, J. (1999). *Knowledge Management Handbook*. London: CRC Press.
- Mohamad Khadafi, H. R. (2015). *Prinsip Etika Kerja Islam Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah : Satu Penilaian Terhadap Karya Penulis Etika Kerja Islam di Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia : Tesis Doktor Falsafah.
- Mohamad Khairi, O., Asmawati, S., & Samsilah, R. (2015). Penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini. *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 18*, 1-20.
- Mohamad Shahril, I., Ruslan, A., & Mohd Suri, S. (2014). Kajian Kecenderungan Pelanggaran Disiplin di Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau. *Persidangan Antarabangsa Kelastarian Insan 2014*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Azrul, J., Azrina, T., & Ahmad Firdaus, M. (2017). Pengamalan Nilai-Nilai Murni Dalam Kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia Ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar Politeknik Malaysia.
- Mohd Effendi, M. M., & Ahmad Zamri, K. (2014). Mengenal Pasti Cabaran Pelajar Politeknik Di Malaysia Menerusi Model Rasch. *Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis*, 59-74.
- Mohd Khairi, S., & Mohamad Khairi, O. (2016). Kefahaman dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA* (hlm. 663-676). Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Mustakim , M., Siti Arni , B., Lukhman, T., Musaiyadah, A., & Wan Norhasniah , H. (2015). Kajian Kes Perlaksanaan Etika Kerja Islam (EKI) di Johor Corporation (JCorp): Tumpuan kepada Perlaksanaan dan Faedahnya. *Jurnal Pengurusan*.
- Nadezda , M., & Alexander , I. (2015). Environmental Ethics as a Social, Professional and Personal Value of the Students of Civil Engineering University. *Procedia Engineering*, 246-251.
- Nazneen , I., Norul Huda, B., Mariam, A., & Hasnan, K. (2020). Pengamalan Hidup Beragama Dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, 78-93.



- Nik Safiah, N., Selamah, M., & Norazlina, A. (2021). Tahap Kecenderungan Mahasiswa Menyertai Program Pembangunan Kerohanian. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*, 215-231.
- Nisha Fatihah Kamala, A., & Norziah, O. (2017). Tingkah Laku Mahasiswa dalam Menguruskan Wang Pembiayaan. *4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)* (hlm. 601-609). Bangi: Kolej Universiti Islam Selangor.
- Nor 'Azzah , K. (2009). "Pengurusan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam: Falsafah dan Etika Pelaksanaan". Dalam Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, *Dimensi Pengurusan Islam: Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norshamliza Chamhuri et.al. (2019). Tahap Pengetahuan dan Impak Kegiatan Politik Kampus Kepada Kehidupan Mahasiswa Era Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 22, 129-136.
- Nur Nasliza Arina, & Jamilah, A. (2015). *Memperkasa Amalan 'Budi Bahasa Budaya Kita' Dalam Kalangan Gen Y Melalui Penggunaan Media Sosial*. Pulau Pinang: USM.
- Nurdeng , D., & Fatin Nur Majdina , N. (2017). Pengetahuan, Sikap dan Kesedaran Pelajar Perubatan Tahun Pertama Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap Etika Perubatan: Satu Deskriptif dan Penemuan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 1-15.
- Nurhidayah, M. (2015). Etika Kerja Islam Dalam Pengurusan Insan. *Social Sciences Postgraduate International Seminar*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nuriman, & Fauzan. (2017). The Influence of Islamic Moral Values on the Students' Behavior in Aceh. *Dinamika Ilmu*, 275-290.
- Nurul Hidayati, H., Abdul Razaq, A., & Mohd Mahzan, A. (2015). Pengaruh aktiviti masa senggang dalam memperkasaan modal insan dan meningkatkan kualiti hidup belia. *7th International Seminar on Regional Education*, (hlm. 408-416).
- Priyambudi, & Susanti. (2016). Pengaruh Sensitivitas Etika terhadap Persepsi Mahasiswa atas Perilaku Etis Akuntan (Studi Kasus pada Mahasiswa Akuntansi Universitas Negeri Yogyakarta). *Jurnal Profita*.
- Qistina Balkis, M., & Rashidi, A. (2017). Pengamalan Etika Kerja Islam: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Pahang. *Seminar Penyelidikan Kebangsaan*.
- Raef, L. (2004). Is Classroom Cheating Related to Business Students Propensityto Cheat in The 'Real World'? *Journal of Business Ethics*, 189-199.
- Rashidi Abbas et.al. (2014). Kemahiran Generik: Hubungan nilai amanah dengan etika moral profesional dalam kalangan pelajar Universiti Teknikal Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*.
- Rubayah, Y., Hawati, J., & Nur Ain, K. (2015). Tahap Tingkah laku Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal*, 97-116.
- Ruslan , H., Farid, M., Kaseh, A., & Azmul Fahimi, K. (2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 126-141.
- Safura, A., Nurauliani , J., & Nur Hafizah, M. (2019). Pembentukan Sahsiah Mahasiswa Melalui Penghayatan Program Kerohanian di Institusi Pengajian Tinggi Islam. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, Vol. 20, Issue 6, 17-23.
- Sarath, N., & Cathy, O. (2001). An examination of the relationship between academic dishonesty and workplace dishonesty: A multicampus investigation. *Journal of Education for Business*, 69-77.
- Sekaran, U. (2002). *Research methods for bussiness: a skill-building approach*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Seri Kartini, J. (2012). *Pengamalan Ajaran Islam dalam kalangan pelajar melalui kursus Pendidikan Islam di PUO*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, UKM.
- Shahidan, S., & Ying, L. (2017). Pembentukan Sahsiah Berkualiti Melalui Penghayatan Kurikulum Pengajian Islam : Satu Kajian Korelasi Di Politeknik. *National Conference on Thinking Culture*. Kuching, Sarawak.
- Shahrulanuar , M., Ab. Aziz , M., & Fakhrul Adabi , A. (2011). Pembangunan Etika dan Moral Dalam Kursus-kursus yang Ditawarkan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). *Seminar Islam Nusantara : Pemikiran dan Cabaran Masa Kini*, Langkawi: Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Sharifah Alawiyah , A. (1985). *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Halijah, N., & Mohd Faizal, J. (2018). Hubungan Di Antara Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 01-18.
- Sri Wahyuni, H. (2019). *Konsep Etika Peserta Didik Menurut Kh Hasyim Asy'ari Dalam Kitab Adabul 'Alim Wal Muta'allim*. Medan,Indonesia: DIsertasi Sarjana Muda (Tidak diterbitkan).



- Suzanah et.al. (2014). Penglibatan Pelajar Universiti Terhadap Aktiviti Sosial Dalam Komuniti Pada Waktu Senggang: Kajian Perbandingan Di Malaysia Dan China. *International Social Development Conference (ISDC2014)* (hlm. 686-696). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Syed Othman al-Habsyi. (1994). Islam sebagai perangsang terhadap prestasi kerja. Dalam I. I. Rahman, *Ilmu dan kecemerlangan dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kemajuan Islam Malaysia.
- Ummi Munirah et.al. (2016). Tanggungjawab Politik : Kajian Dalam Kalangan Pelajar IPTA. *3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM)*, (hlm. 301-310).
- Wan Jemizan, W., & Ahmad Termizi, M. (2012). *Membudayakan Kerja Berpasukan*. Utusan Malaysia.
- Wan Norina, W., Zaharah , H., & Ahmad Fkrudin , M. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 17-27.
- Wiramanja. (2004). *Komunikasi Pelajar : Etika dan Personaliti*. Universiti Malaysia Sabah.
- Zuria Akmal, S. (2018). Penilaian Tahap Etika Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sistem Pengurusan Pejabat (BM232) UiTM Pahang dan Hubungkait Pandangan Sikap Beretika di dalam Perniagaan. *GADING (Online) Journal for Social Sciences*, 134-142.
- Asmawati Suhid, (2007) Pengajaran adab & akhlak islam dalam membangunkan modal insan. *MALIM: Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara*, 8 . pp. 167-178. ISSN 1511-8393
- Munawar Ismail, Zakaria Stapa, M. Yusof Othman & Mashitoh Yaacob, (2012) Islam Dalam Pendidikan Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu Di Malaysia, *Jurnal Hadhari Special Edition*, Ms 37-50
- Mustafa Bugha dan Muhyiddin Misto. (2004). *Kitab al-Wafi Syarah Hadis Empat Puluh Imam al-Nawawi*. Mesir: Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir.
- Samruhaizat Samian (2017), Pendidikan Sebagai Komponen Kualiti Hidup Masyarakat Pinggir Bandar, *Asian Journal Of Environment, History And Heritage* September 2017, Vol. 1, Issue. 1, P. 267-280
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf; A Fatah Shaharudin (2012) Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah, *Jurnal Hadhari Special Edition* Ms 7-22
- S. Abdullah H.M, A. Salam M.S & M. Abbas A.R (2020) Peranan Akhlak Dalam Kehidupan, *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporeri*, 21(1): 38-54
- Asming Yalawae & A.Farid Ibrahim (2007), Akhlak Warisan Rasulullah S.A.Wmembawa Kemuliaan Umat, *Jurnal Usuluddin*, Bil 26 [2007] 71-83
- Hamdan, N., & Jasmi, K. A. (2016). Sifat Keperibadian Guru Pendidikan Islam (GPI) Terhadap Rakan Setugas Dan Pihak Atasan Di Sekolah: Satu Kajian Kes. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies (EISSN: 2289-8204)*, 3(2). <https://doi.org/10.11113/umran2016.3n2.72>
- Haziq, M., Isnin, M., Hafiz, A., Hazizul, A. M., & Hazizan, H. (2020). Cabaran Dalam Membentuk Remaja Ke Arah Kecemerlangan Seiring Perkembangan Teknologi Semasa Menurut Perspektif Al-Quran. *Jurnal Darul Quran*. Bil, 24(December), 2020. Retrieved from <https://datareportal.com/reports/digital>
- Long, A. S. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mokhtar, S., Mohd Jailani, M. K., Tamuri, A. H., & Abdul Ghani, K. (2011). Kajian persepsi penghayatan akhlak islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di selangor. *Global Journal Al-Thaqafah*, 1(1), 71–77. <https://doi.org/10.7187/GJAT072011.01.01>
- Syaepul Manan. (2017). Pembinaan Akhlak Mulia Melalui Keteladanan dan Pembiasaan. *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim*, XV(2), 1.
- Zaharah Hussin. (2005). Mendidik generasi berakhlik mulia: Fokus peranan guru Pendidikan Islam. *Jurnal Masalah Pendidikan 2005, Universiti Malaya*, (November), 79–95.

eISSN 2948-5045

